

Dipersembahkan Oleh  
Presented By



Dalam Menyokong  
In Support Of



[www.klparkfestival.com](http://www.klparkfestival.com)



# Pertandingan Hiasan Terrarium



# KL Park Festival 2023

Penyertaan Dibuka Kepada Semua  
**Sehingga 22 Februari 2023**

Malaysian  
Arts and Flora  
Gardens



**RM1,500**



**RM1,000**



**RM500**

**Sagu Hati  
x10**

**RM300**

**TEMPAT / VENUE**

**TAMAN  
TASIK  
TITIWANGSA**

**TARIKH / DATE**

**4 - 12  
MAC  
2023**

**WAKTU / TIME**

**9AM - 10PM**

## Pengenalan

Festival Taman Kuala Lumpur merupakan cetusan idea Kementerian Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) berikutan kejayaan “KL Orchid and Bonsai Show” (KLOBS) sebelum ini. Penjenamaan semula KLOBS kepada Festival Taman Kuala Lumpur bertujuan mempromosikan budaya berkebun dan menggalakkan penglibatan aktif warga kota dalam meningkatkan budaya hidup sihat. Melalui festival ini, orang ramai akan lebih terdedah kepada idea baru menghiasi ruang kediaman mereka; dan mempromosikan pelbagai aktiviti taman serta memupuk budaya penghayatan alam semulajadi kepada warga kota.

Bersempena Festival Taman Kuala Lumpur 2023, Pertandingan Hiasan Terrarium dianjurkan kembali seperti ketika diadakan semasa KLOBS. Ianya bertujuan menarik minat awam khususnya golongan remaja menonjolkan kreativiti dan minat terhadap hobi yang unik dan sihat di era teknologi ini. Hiasan ini akan dijadikan contoh kepada warga kota kerana tidak memerlukan ruang yang besar dengan sedikit keperluan terhadap cahaya.



## Objektif

Mencungkil bakat warga kota dalam menghiasi ruang kecil dan membina ekosistem terrarium.

## Tarikh-tarikh Penting

### 20 Januari 2023 (Jumaat)

- Pengumuman dan panggilan penyertaan di media sosial, laman sesawang dan lain-lain saluran

### 22 Februari 2023 (Rabu), 12.00pm

- Tarikh tutup penyertaan. Panggilan peserta dan taklimat perincian tentatif pertandingan dan penyediaan bahan hiasan

### 5 Mac 2023 (Ahad)

- Tempoh yang diberikan kepada para peserta untuk pembinaan dan pemasangan terrarium masing-masing
- Waktu - 9 pagi - 6 petang (1 hari)

### 6 Mac 2023 (Isnin)

- Penjurian dan Pengumuman pemenang

### 11 Mac 2023 (Sabtu)

- Sesi penyampaian hadiah

## Terma & Syarat Pertandingan

- Penyertaan terbuka kepada semua warganegara Malaysia 13 tahun ke atas.
- Penyertaan adalah percuma.
- Jenis terrarium : Close terrarium.
- Penganjur hanya menyediakan kotak kaca dan media tanaman. Bahan tanaman dan aksesori lain adalah tanggungan peserta.
- Bilangan ahli setiap pasukan : Tidak melebihi 5 orang.
- Hasil terrarium akan diserahkan kepada peserta.
- Penganjur berhak meminda mana-mana syarat dan kriteria pertandingan dari semasa ke semasa demi kepentingan pengurusan serta objektif pertandingan.
- Keputusan juri adalah muktamad dan pihak juri mempunyai kuasa untuk melucutkan kelayakan penyertaan sekiranya peserta tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

## Anugerah & Hadiah

### Anugerah Emas

RM1,500, Trofi dan Sijil Pemenang

### Anugerah Perak

RM1,000, Trofi dan Sijil Pemenang

### Anugerah Gangsa

RM500, Trofi dan Sijil Pemenang

### Saguhati x 10

RM300 dan Sijil Pemenang

## Kriteria Penjurian

### Konsep (20%)

- Penampilan konsep yang bersesuaian

### Kepelbagaian Tumbuhan (30%)

- Pemilihan & penggunaan tumbuhan yang sesuai, pelbagai, rare dan unik.

### Elemen Landskap (30%)

- Kepelbagaian elemen landskap lembut / kejur iaitu gabungan antara tumbuhan dan hiasan seperti batu, kayu dan elemen lain bersesuaian

### Kebersihan dan Kekemasan (20%)

- Susunatur yang menarik dan komposisi yang seimbang menghasilkan produk akhir yang kemas dan bersih.

## Cara Penyertaan

1. Muat turun borang penyertaan dari laman sesawang KL Park Festival.
2. Isi Borang Penyertaan termasuk menulis sedikit huraian berkaitan konsep terrarium yang akan dibina.
3. Penghantaran borang penyertaan secara dalam talian kepada emel **aktivitiklpf@gmail.com** subjek '**Pertandingan Hiasan Terrarium KL Park Festival 2023**'.
4. Penghantaran borang penyertaan akan ditutup pada **22 Februari 2023 (Rabu), 12.00 tengah hari**
5. Untuk sebarang pertanyaan sila hubungi sekretariat seperti nombor di bawah. Waktu berurusan adalah **hari berkerja 9.00am - 5.00pm**

KL  
Park  
Festival  
2023

Malaysian  
Arts and Flora  
Gardens

## PERTANYAAN

Amal 010 545 7696  
Rini 011 2388 8085  
Hamita 013 206 8662  
Pejabat 03 2617 6431  
**aktivitiklpf@gmail.com**



Anjuran



**Pertandingan  
Hiasan Terrarium**

**BORANG PENYERTAAN PERTANDINGAN  
HIASAN TERRARIUM**

TARIKH TUTUP: 22 FEBRUARI 2023 (RABU) 12:00PM

Sila lengkapkan dan hantar secara softcopy :  
[aktivitiklpf@gmail.com](mailto:aktivitiklpf@gmail.com)  
cc [klparkfestival@gmail.com](mailto:klparkfestival@gmail.com)

NAMA INDIVIDU  
/ PASUKAN  
/ SEKOLAH

ALAMAT RUMAH  
/ SEKOLAH

HURAIAN KONSEP

KETUA PASUKAN  
INDIVIDU UNTUK DIHUBUNGI

NO TELEFON BIMBIT

NO TELEFON SEKOLAH

ALAMAT EMEL

*Email 1*

*Email 2 (Optional)*



**PERTANYAAN**

Amal 010 545 7696  
Rini 011 2388 8085  
Hamita 013 206 8662  
Pejabat 03 2617 6431  
[aktivitiklpf@gmail.com](mailto:aktivitiklpf@gmail.com)